

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai secara terperinci mengikut transaksi dan penghutang hutang SRC International Sdn. Bhd. buat masa kini (termasuk faedah) dan rancangan untuk melangsaikan hutang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulai ini, pemiutang SRC International Sdn Bhd (SRC) adalah seperti berikut :

Bil.	Nama Pemiutang	Baki Pinjaman (RM)	Kadar Faedah
1.	Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP)	4.385 bilion	4.3% sehingga 5.1%
2.	Kerajaan Persekutuan	310 juta	4%

Tahun 2015 dan 2016 adalah merupakan tahun yang amat mencabar untuk SRC. Namun demikian, SRC sentiasa berusaha untuk menyelesaikan semua hutang syarikat. Antara langkah yang akan diambil adalah menjual aset-aset syarikat untuk menyelesaikan hutang kepada Kementerian Kewangan. Selain itu, hutang kepada KWAP juga akan dibayar mengikut jadual pembayaran yang telah ditetapkan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : **TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**
DARIPADA [**SELYANG**]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai jumlah peruntukan yang diberikan kepada setiap aliran sekolah vernakular dan sekolah agama dalam Bajet 2016, serta nama sekolah dan bilangan pelajar bagi setiap sekolah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada tahun 2016 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima kelulusan daripada Kementerian Kewangan sebanyak RM70 juta bagi tujuan penyelenggaraan sekolah bantuan kerajaan. KPM mengagihkan peruntukan penyelenggaraan kepada sekolah kategori tersebut dan proses pengagihan telah selesai dilaksanakan pada bulan Disember 2016.

KPM juga menyalurkan peruntukan mengurus kepada semua sekolah vernakular dan sekolah agama yang berdaftar dengan KPM. Bagi tahun 2016, peruntukan mengurus yang disalurkan kepada Sekolah Jenis

Kebangsaan Cina ialah sebanyak RM2,699,032,889.00 dan Sekolah Jenis
Kebangsaan Tamil sebanyak RM1,089,594,171.00.